

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN HARI KOPERASI
SEKOLAH
KOPERASI MRSM GEMENCHEH**

12 JUN 2024 (RABU)
2.10 PETANG
MRSM GEMENCHEH, GEMENCHEH
NEGERI SEMBILAN

Bismillahirrahmaanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera.
Terima Kasih Pengacara Majlis

SALUTASI OLEH PIHAK PENGANJUR

1. Alhamdulillah, setinggi rasa syukur kita panjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kuraniNya dapat kita berhimpun untuk satu majlis yang amat bermakna buat warga Maktab Rendah Sains MARA

Gemencheh bagi meraikan sambutan Hari Koperasi Sekolah pada hari ini.

2. Sekalung ucapan tahniah dan syabas kepada Kepimpinan Sekolah dan juga Warga Koperasi MRSM Gemencheh Berhad yang telah bertungkus lumus merealisasikan penganjuran sambutan ini. Usaha dan

komitmen yang telah diberikan oleh pihak sekolah dalam menganjurkan acara yang penuh bermakna ini amat kami hargai.

3. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak sekolah kerana kesudian untuk menjemput saya merasmikan program sambutan ini.

Penglibatan aktif semua pihak menunjukkan betapa pentingnya semangat kerjasama dan rasa tanggungjawab bersama dalam membentuk generasi yang yang penuh dengan keilmuwan dan jati diri koperasi.

4. Saya percaya melalui penganjuran program ini para pelajar dilatih dengan Latihan kepimpinan, tanggungjawab dan ilmu keusahawanan koperasi yang dapat dipraktikkan dalam urusan seharian. Melalui aktiviti yang telah disusun, para pelajar akan berpeluang untuk mengambil peranan kepimpinan,

membuat keputusan, dan bekerja dalam kumpulan.

Para guru dan pelajar yang dikasihi,

5. Idea tertubuhnya koperasi sekolah di negara ini dicetuskan pada tahun 1953 semasa Persidangan Kerjasama Malaya, dengan usul diluluskan hasil

persetujuan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pertanian. Pada tahun 1968, YM Profesor Diraja Ungku Aziz membangkitkan semula idea ini, dan sembilan buah sekolah di Semenanjung Malaysia dipilih sebagai peneraju untuk menubuhkan koperasi di sekolah masing-masing.

6. Sejak itu, koperasi sekolah kian berkembang dengan pesat di seluruh negara, memainkan peranan penting dalam memupuk semangat keusahawanan dan tanggungjawab dalam kalangan pelajar. Koperasi sekolah bukan sahaja memberikan peluang kepada pelajar untuk menguruskan perniagaan secara

kecil-kecilan, tetapi juga membantu mereka memahami konsep ekonomi dan kewangan.

7. Mengikut data yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Sehingga Disember 2023, terdapat 2,490 buah koperasi sekolah telah ditubuhkan, dengan

keanggotaan seramai 2.07 juta individu, syer / yuran sebanyak RM30.10 juta, aset sebanyak RM475.17 Juta dan Perolehan disumbangkan adalah sebanyak RM430.42 Juta.

8. Apa yang lebih membanggakan, sehingga kini telah ada 27 buah koperasi sekolah yang telah mencapai

perolehan lebih RM1 juta termasuklah sekolah ini dan sebuah lagi telah mencapai perolehan lebih RM2 juta.

9. Pencapaian ini juga menjadi bukti bahawa pendidikan keusahawanan dan pengurusan kewangan yang diberikan di koperasi sekolah mampu melahirkan individu yang

berkemahiran tinggi dan berdaya saing.

Para guru dan pelajar yang dikasihi sekalian,

10. ANGKASA sentiasa memberi fokus kepada pembangunan koperasi sekolah kerana kita mahu melahirkan

pelapis kepada kepemimpinan koperasi yang profesional. Pembangunan koperasi sekolah merupakan salah satu inisiatif penting dalam usaha untuk memastikan generasi muda didedahkan kepada ilmu keusahawanan dan pengurusan koperasi sejak di bangku sekolah. Usaha ini bukan sahaja membantu

dalam pembangunan sahsiah dan akademik pelajar, tetapi juga mempersiapkan mereka untuk menjadi pemimpin yang berkaliber di masa hadapan.

11. Sebagai badan induk gerakan koperasi di Malaysia, ANGKASA menyediakan pelbagai bentuk

sokongan dan bimbingan kepada koperasi sekolah. Ini termasuk menyediakan modul latihan, bengkel, dan seminar yang dirancang khusus untuk memenuhi keperluan pelajar dan guru dalam memahami dan menguruskan koperasi.

12. Melalui kerjasama yang erat antara ANGKASA dan sekolah, banyak kejayaan telah dicapai dalam membangunkan koperasi sekolah yang efektif dan menguntungkan. Dengan sokongan berterusan daripada ANGKASA, saya yakin bahawa lebih banyak koperasi sekolah bakal melahirkan lebih ramai

pemimpin koperasi yang profesional dan berwibawa, yang mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara pada masa hadapan.

13. Model koperasi sekolah yang berjaya di Malaysia telah mendapat perhatian di peringkat antarabangsa.

ANGKASA telah membawa model ini ke luar negara seperti Kemboja dan Filipina. Ini menunjukkan bahawa pendekatan kita dalam membangunkan koperasi sekolah diiktiraf dan dihargai di luar negara. Dengan berkongsi pengetahuan dan pengalaman negara ini juga dapat memanfaatkan konsep koperasi

sekolah untuk meningkatkan pendidikan dan kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar mereka. Kejayaan ini bukan sahaja memperkukuhkan hubungan antarabangsa, tetapi juga mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam gerakan koperasi sekolah di peringkat global.

Para guru dan pelajar yang dikasihi,

14. Koperasi sekolah memainkan peranan penting dalam menaja pelbagai aktiviti sekolah seperti sukan, akademik, dan kebudayaan. Keuntungan yang diperolehi daripada koperasi digunakan untuk membiayai program-program ini, memastikan

pelajar mendapat peluang untuk berkembang dalam pelbagai bidang. Ini membantu mengurangkan beban kewangan yang perlu ditanggung oleh pihak sekolah dan ibu bapa.

15. Koperasi sekolah juga memberikan sokongan kepada guru dan pelajar yang memerlukan. Dana dari koperasi

boleh digunakan untuk membantu pelajar yang kurang berkemampuan dengan menyediakan bantuan kewangan atau menyediakan peralatan sekolah. Guru-guru juga boleh mendapat manfaat daripada program kebajikan yang dibiayai oleh koperasi, seperti pinjaman tanpa

faedah atau bantuan untuk kursus peningkatan profesional.

16. Koperasi sekolah tidak hanya memberi manfaat kepada warga sekolah, tetapi juga kepada komuniti sekitar. Dengan melibatkan komuniti dalam aktiviti koperasi, sekolah dapat memperkukuhkan hubungan dengan

masyarakat setempat. Koperasi sekolah juga boleh menjalankan program khidmat masyarakat, seperti gotong-royong atau kempen kebersihan, yang memberi impak positif kepada persekitaran setempat. Selain itu, koperasi sekolah boleh menjadi pusat aktiviti ekonomi bagi komuniti dengan menjual produk dan

perkhidmatan yang diperlukan oleh penduduk setempat.

Para guru dan pelajar yang dikasihi,

17. Saya penuh yakin, melalui kewibawaan warga koperasi sekolah ini, dan juga sokongan berterusan pihak sekolah, Koperasi MRSM

Gemencheh Berhad akan mencatat perolehan yang lebih memberangsangkan pada tahun ini melalui kepelbagaian aktivitinya termasuklah melalui program yang diadakan pada hari ini.

18. Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak

penganjur atas kesudian menjemput saya dalam memeriahkan lagi acara pada hari ini. Saya mendoakan agar program yang dianjurkan mencapai objektifnya dan membakar semangat keusahawanan koperasi para pelajar MRSM Gemencheh.

Dengan lafaz Bismillahirrahmannirahim,
saya dengan ini merasmikan Hari
Koperasi Sekolah MRSM Gemencheh.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.